

Artikel Penyelidikan

Guru Pencetus Kreativiti, Penjana Inovasi: Hajah Saripah Binti Embong.

Siti Aishah Mokhtar^{1,*}, Fatin Nur Zulkipli², Raja Nurhafizah Raja Azmi³, dan Nur Shafika Nadia Norhisam⁴

¹ UiTM Cawangan Kelantan; aishah835@uitm.edu.my; ID 0009-0005-8916-0856

² UiTM Cawangan Kelantan; fatinnurzul@uitm.edu.my; ID 0000-0002-5294-9125

³ UiTM Cawangan Kelantan; email: raja.nurhafizah@gmail.com

⁴ UiTM Cawangan Kelantan; email: nadianorhisam202@gmail.com

* Correspondence: aishah835@uitm.edu.my; telephone: +6013-3869763

Abstrak: Kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji Guru Pencetus Kreativiti, Penjana Inovasi iaitu Tokoh Pendidikan, Hajah Saripah Binti Embong. Permasalah kajian adalah untuk mengetahui latar belakang serta peranan dan sumbang Hajah Saripah Binti Embong. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji latar belakang, peranan, anugerah dan sumbangan tokoh. Bagi mengkaji tokoh ini, kaedah temubual dan rujukan telah digunakan. Dalam kajian ini, pengkaji menggabungkan antara kajian perpustakaan dan kajian lapangan. Secara kesimpulannya, banyak peranan dan sumbangan yang telah disumbangkan oleh tokoh kepada pelajar, masyarakat dan negara. Di samping itu, tokoh juga memperoleh banyak kejayaan sehingga kini. Melalui kajian ini, diharapkan peranan dan sumbangan tokoh berkaitan inovasi dapat dijadikan contoh untuk diteladani.

Kata kunci: Guru, Inovasi, Kajian Sejarah Lisan, Pendidikan, Tokoh

DOI: 10.5281/zenodo.10020344



Copyright: © 2023 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

1. PENGENALAN

Sejarah lisan merupakan satu kaedah yang penting dalam merakam peristiwa atau pengalaman yang telah dilalui oleh seseorang. Melalui sejarah lisan, rekod-rekod sejarah, peristiwa dan pengalaman sesuatu peristiwa dapat disimpan sebagai sumber rujukan. Temubual atau wawancara yang dijalankan ke atas individu tertentu merupakan satu-satunya kaedah pengumpulan maklumat dalam sejarah lisan. Sumber primer yang didapati daripada hasil rakaman perbualan yang dibuat melalui temuramah merupakan sumber sejarah. Pemilihan tokoh untuk kajian sejarah lisan pengkaji adalah tedi diri daripada kalangan pendidik yang telah mendapat pelbagai anugerah sepanjang kerjaya mereka. Orang yang telah berjasa kepada negara dalam bidang pendidikan merupakan tokoh pendidikan yang boleh dijadikan contoh kepada generasi akan datang. Kejayaan yang dicapai dan sumbangan yang dicurahkan kepada negara dapat dijadikan motivasi kepada semua lapisan masyarakat. Pengkaji telah memilih seorang tokoh pendidik daripada negeri Terengganu iaitu Hajah Saripah Binti Embong.

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian dijalankan untuk mengetahui bagaimana latar belakang Hajah Saripah Binti Embong sebagai seorang pendidik. Hal ini kerana peranan, anugerah, dan sumbangan beliau sangat bermakna kepada masyarakat setempat serta negara, menjadikan kajian ini menarik untuk dijalankan. Kajian ini

juga dilaksanakan untuk mengetahui cabaran dan pengalaman yang telah dilalui oleh beliau sehingga memperoleh anugerah dan memberikan sumbangan kepada masyarakat setempat dalam bidang pendidikan.

3. OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan penyelidikan kajian sejarah lisan ini adalah untuk mencapai objektif-objektif berikut:

- 3.1 Mengkaji sejarah dan latar belakang Hajah Saripah Binti Embong sepanjang kerjaya beliau sebagai seorang pendidik.
- 3.2 Mengenal pasti peranan Hajah Saripah Binti Embong dalam bidang Pendidikan.
- 3.3 Meneliti sumbangan, pengalaman serta anugerah yang pernah diterima oleh Hajah Saripah Embong dalam bidang pendidikan.

4. PERSOALAN KAJIAN

Berpandukan kepada tajuk kajian yang telah dipilih, pengkaji merumuskan beberapa masalah kajian dan objektif kajian yang membawa kepada empat bahagian persoalan seperti berikut:

- 4.1 Siapakah Hajah Saripah binti Embong yang dikenali sebagai salah seorang tokoh ternama didalam bidang pendidikan?
- 4.2 Apakah peranan penting Hajah Saripah Binti Embong dalam bidang pendidikan?
- 4.3 Apakah sumbangan, pengalaman serta anugerah terbesar yang pernah diterima oleh Hajah Saripah Binti Embong sepanjang bergelar seorang guru?

5. KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Terdapat beberapa kepentingan dan sumbangan kajian mengenai tokoh yang dipilih oleh pengkaji. Antara impak yang diperoleh hasil daripada kajian yang dilakukan bersama tokoh Hajah Saripah Binti Embong adalah peranan yang beliau curahkan sepanjang bergelar sebagai seorang pendidik sehingga kini. Pengkaji mendapati bahawa profesion perguruan adalah satu profesion yang sangat mulia dan amat penting dalam proses pembangunan manusia, masyarakat dan negara. Pengkaji berharap agar kajian ini membuka mata setiap lapisan masyarakat untuk memahami bahawa jasa dan sumbangan seorang guru tidak ternilai demi melahirkan seorang insan yang berguna untuk masa hadapan.

6. TINJAUAN LITERATUR

Menurut Kamus Dewan Edisi Empat (2007), kerjaya mengajar adalah pendidik atau guru, di mana secara asasnya pelajar-pelajar di sekolah merupakan tanggungjawab guru untuk mendidik dengan ilmu pengetahuan. Guru juga adalah orang yang memberikan inspirasi dan berpengaruh melalui kepakaran mereka. Guru menjadi komponen asas teras yang menentukan kejayaan pelaksanaan kurikulum tersurat dan tersirat yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dimana mereka juga menjadi pembentuk wajah palapis kepimpinan dan pemacu pembangunan negara (Awang Hadi Salleh, 1998).

Menurut Azura (2004), sebagaimana matlamat FPK, institusi pendidikan memerlukan pendidik yang kreatif, cekap, bermotivasi tinggi dan berhemah mulia bagi melahirkan pelajar yang mampu menjadi pelapis harapan negara. Berlandaskan ciri-ciri FPK, apabila seseorang guru itu menjalankan tugasnya, pelajar yang dihasilkan akan seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Oleh yang demikian, ianya dapat meningkatkan kepuasan bekerja serta prestasi seseorang guru tersebut telah dapat menjayakan FPK itu sendiri.

Kualiti guru merupakan penentu utama kepada pencapaian murid (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Untuk memastikan guru sentiasa mempunyai kualiti dan prestasi yang terbaik, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menggalakkan guru untuk melibatkan diri secara aktif dengan aktiviti berinovasi dan berperanan sebagai guru inovatif. Guru yang berkesan akan mengajar untuk menghasilkan kefahaman yang mantap dan mendalam seperti diluahkan oleh Mohd Zolkepeli (1998) dan Purba (2007). Kerjaya sebagai guru merupakan kerjaya yang stabil. Walau bagaimanapun, selaras dengan perkembangan dunia pada hari ini yang menuntut inovasi sebagai kemahiran yang paling diperlukan pada 2022 (Centre for the New Economy and Society, 2018), maka guru perlu mentransformasi diri mereka sebagai guru inovatif, sesuai dengan peranan baru dalam dunia kerjaya pada masa depan.

Bagi memupuk kreativiti dikalangan pelajar, ianya memerlukan kepada usaha yang berterusan daripada para guru. Walaupun warga pendidik telah didedahkan dengan pelbagai teknik pengajaran yang boleh membantu mereka memupuk kreativiti para pelajar tetapi kebanyakkan teknik teknik pengajaran ini tidak digunakan dalam bilik darjah. Menurut Ikhsan dan Norila (2005) pula, usaha bagi menggalakkan para pelajar kearah berfikir secara kreatif dan kritis mestilah dimulakan di peringkat sekolah rendah lagi kerana peringkat ini dianggap sebagai masa yang paling sesuai untuk meletakkan batu asas bagi pelaksanaan pendidikan seterusnya.

Institusi pendidikan memainkan peranan yang sangat besar didalam menghasilkan modal insan yang kreatif dan berinovasi tinggi. Ia memerlukan kepada hasil usahasama semua pihak termasuklah Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Pelajaran dan bersama institusi-institusi pendidikan yang lain didalam mengkaji dan menggubal kurikulum bagi memastikan elemen pengajaran dan pembelajaran secara kreatif dan inovatif disamping mendorong dan melatih para pelajar menjadi modal insan harapan negara. Oleh itu, penerapan inovasi pengajaran dan pembelajaran dapat melahirkan para pelajar yang seimbang dari segi pemikiran ilmiah dan mampu menjana idea yang lebih kreatif dan inovatif. (Zakaria bin Omar, 2014). Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti gaya kepimpinan guru dimana pengkaji turut menceritakan mengenai pengalaman, sumbangan dan pencapaian tokoh yang bergelar guru. Sejarah dan pengalaman kerjaya tokoh dapat dijadikan sumber inspirasi kepada semua.

7. METODOLOGI

Z

7.1 Pendekatan Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji menggabungkan antara kajian perpustakaan dan kajian lapangan. Kajian perpustakaan merupakan pendekatan bagi pengkaji untuk mengumpul data-data yang diperlukan dalam menghasilkan kajian. Kaedah ini digunakan dengan merujuk kepada buku-buku, majalah, laman sesawang dan gambar-gambar yang berkaitan dengan Hajah Saripah Binti Embong. Pengkaji perlu merujuk data-data dari sumber primer tanpa mengeneptikan data berbentuk sekunder. Kajian Lapangan digunakan untuk mendapatkan maklumat dan data-data terpilih yang yang berkaitan dengan kajian. Pengkaji turut mengaplikasikan kaedah temubual bagi mendapatkan

maklumat lanjut mengenai bidang yang dikaji. Kaedah temubual ialah cara yang digunakan untuk mendapatkan maklumat secara lisan dari seseorang melalui cara percakapan secara berhadapan muka sengan seseorang.

7.2 *Peserta Kajian*

Kajian ini dilaksanakan secara kerjasama di antara dua pengkaji. Kumpulan sasaran bagi tindakan ini juga melibatkan seorang Ketua Panitia Reka Bentuk Teknologi. Daripada pemerhatian, beliau merupakan guru paling banyak memberikan sumbangan. Pengkaji mengambil keputusan untuk menjalankan kajian ke atas guru tersebut untuk mengetahui tentang pengalaman, sumbangan dan pencapaian beliau disamping memberikan inspirasi kepada semua orang sepanjang beliau menggalas tanggungjawab sebagai seorang guru.

Hajah Saripah Binti Embong merupakan seorang guru di Sekolah Menengah Agama Sultan Mizan Zainal Abidin, Kuala Terengganu. Beliau berkhidmat sebagai guru selama 37 tahun dan mula mengajar pada tahun 1983 sehingga sekarang. Beliau mengajar pelbagai mata pelajaran antaranya termasuklah Kemahiran Hidup bersepadu (KHB), *Schoolwide Enrichment Model* (SEM), Sains, Matematik dan Teknologi Maklumat. Hajah Saripah Binti Embong juga memegang jawatan sebagai Ketua Panitia Reka Bentuk Teknologi Sains di sekolah tersebut. Beliau telah menerima pelbagai anugerah atas kredibiliti beliau sebagai seorang guru yang berkualiti. Antara anugerah yang beliau peroleh di peringkat antarabangsa ialah Anugerah Princess Maha Chakri daripada Thailand pada tahun 2017. Hajah Saripah Binti Embong telah dicalonkan sebagai wakil daripada Malaysia untuk anugerah tersebut dan kemenangan telah berpihak kepada beliau. Seterusnya di peringkat kebangsaan pula, beliau telah dinobatkan sebagai Ikon Guru Negaraku dan pelbagai lagi anugerah-anugerah lain.

7.3 *Prosedur Pengumpulan Data*

Bahagian ini membincangkan metodologi yang telah pengkaji gunakan dalam kajian ini. Ia bertujuan memberi penjelasan bagaimana kajian dijalankan, data-data diperoleh dan cara data dianalisis bagi mendapatkan maklumat yang tepat. Pengumpulan data bagi kajian sejarah lisan ini, pengkaji menggunakan kaedah temubual tokoh. Mendapatkan surat sokongan daripada Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM, merupakan beberapa langkah awal yang perlu diambil untuk memohon kebenaran dari pihak universiti bagi menjalankan kajian ini.

Tujuan temubual ialah untuk mengukur kebolehpercayaan soal selidik. Temubual telah jalankan dengan seorang tokoh pendidik iaitu Hajah Saripah Embong. Item-item yang terdapat dalam pengumpulan data untuk soal selidik adalah berkaitan dengan latar belakang, peranan, sumbangan dan pengalaman tokoh dalam bidang pendidikan. Temubual ini juga menyentuh perkara-perkara seperti anugerah yang pernah diperoleh tokoh sepanjang kerjaya beliau. Temubual dijalankan secara atas talian oleh kerana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) disebabkan penularan wabak Covid-19. Aplikasi atas talian yang digunakan oleh pengkaji untuk menemu bual tokoh adalah platform maya iaitu *Google Meet*. Temubual dijalankan selama 2 jam bermula pada pukul 10 pagi hingga 12 tengah hari.

8. HASIL KAJIAN

8.1 *Latar Belakang Tokoh*

Hasil kajian daripada temubual bersama Hajah Saripah Binti Embong, Hajah Saripah Binti Embong telah dilahirkan pada 18 April 1983 di Kg Bukit Besar, Kuala Terengganu. Nama ibu beliau Wan

Kuntom Binti Abas dan nama arwah ayah beliau ialah Haji Embong Bin Haji Abu Bakar dan beliau merupakan anak ke lima daripada lapan adik beradik. Beliau mendapatkan pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Pusat Bukit Besar pada tahun 1970-1975. Hajah Saripah Binti Embong kemudian menyambung pelajaran ke peringkat menengah di SMK Panji Alam pada tahun 1976 hingga 1980. Selepas menamatkan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Hajah Saripah Binti Embong telah menyambung pelajaran ke tingkatan 6 di SMK Padang Midin pada tahun 1981 hingga 1982. Selepas menduduki Sijil Tinggi Peperiksaan Malaysia (STPM), Hajah Saripah Binti Embong telah mendapat tawaran untuk sambung belajar ke Universiti Teknologi MARA (UITM) Shah Alam dalam jurusan Diploma in Science, namun oleh kerana mengikut keputusan keluarga, beliau telah menolak tawaran tersebut kerana mendapat tawaran kerja sebagai guru di sekolah menengah agama negeri Terengganu pada tahun 1983.

Beliau juga ada berkongsi sedikit rahsia kejayaan dalam bidang akademik sehingga mencapai tahap tertinggi. Antara yang dikongsikan oleh beliau ialah mestilah rajin. Selain daripada itu, beliau juga menyenaraikan beberapa rahsia kejayaan beliau seperti berdisiplin, sentiasa berbuat baik dengan keluarga dan sentiasa bersemangat. Tidak dilupakan juga, beliau juga mengingatkan kita untuk sentiasa rajinkan diri untuk bangun malam beramal ibadat. Katanya lagi, bangun malam sememangnya susah, tetapi kita perlu sentiasa mengamalkannya. Bukan sahaja untuk bangun malam beramal, mengaji al-quran juga turut diperingatkan untuk menghafal surah-surah penting. Di samping itu, beliau juga menyarankan untuk memperbanyakkan menolong orang lain.

8.2 *Pengalaman Tokoh*

Hajah Saripah Binti Embong memulakan kerja pada 15 September 1983 iaitu dimana umur beliau ialah 20 tahun. Sekolah pertama yang beliau mula mengajar ialah di SMA Khairiah Kuala Terengganu. Pada mulanya, beliau tiada pengalaman dalam bidang guru tetapi beliau banyak bertanyakan kepada abang dan kakak beliau tentang cara-cara pengajaran. Sehingga sekarang, Hajah Saripah telah mengajar selama 38 tahun dalam bidang pendidikan.

Sepanjang 38 tahun mengajar, Hajah Saripah Binti Embong telah mengajar di 4 buah sekolah, antaranya sekolah yang pertama ialah Sekolah Khairiah dan kemudian pada tahun 1991, beliau telah ditukar ke SMA Marang. Pada tahun 1997, Hajah Saripah Binti Embong telah dipilih sebagai guru perintis membangunkan Kolej Sains Pendidikan Negeri Terengganu (KOSPINT) yang kini menjadi SM Imtiaz Kuala Terengganu selama 20 tahun dan kini berkhidmat di SMAASZA mulai 1 Jan 2018. Sepanjang mengajar, beliau menganggap setiap murid sama sahaja. Beliau juga sangat teruja untuk mengajar setiap hari apabila murid menunjukkan kesungguhan mereka untuk belajar.

8.3 *Anugerah yang diperolehi tokoh*

Sepanjang bergelar guru, banyak jawatan yang telah disandang oleh beliau. Antaranya, ketua bidang, Guru Cemerlang, Setiausaha Makmal Komputer, Setiausaha Unit Dokumentasi Sekolah, Setiausaha Unit Penyelenggaraan. Seterusnya beliau juga pernah memegang jawatan sebagai guru kelas di KOSPINT pada tahun 2014. Beliau juga telah memegang jawatan sebagai Penyelaras Kokurikulum, Pengarah Projek PMR, Penyelaras Galeri Sekolah dan juga Penasihat Kelab Komputer. Dalam badan beruniform, beliau memegang jawatan sebagai AJK daerah Pergerakan Puteri Islam Daerah Kuala Terengganu. Selain itu, Hajah Saripah Embong juga merupakan jurulatih ping pong, bola tampar dan bola jaring, serta pernah menjadi Pengurus Pasukan Negeri KESSUMA (Kejohanan Sukan Sekolah-Sekolah Menengah Agama Malaysia).

Hasil kajian daripada temubual bersama Hajah Saripah Binti Embong, beliau telah mendapat pelbagai anugerah reka cipta dan inovasi sepanjang kerjaya beliau. Antara anugerah tertinggi beliau peroleh adalah Anugerah Princess Maha Chakri dari Negara Thailand. Hasil inovasi daripada penganugerahan tersebut adalah berkaitan mengaplikasikan pengetahuan daripada bilik darjah untuk

menyelesaikan masalah kehidupan seharian. Anugerah ini mengiktiraf sumbangan guru tersebut dalam semua bidang dari awal berkhidmat.

Selain itu, beliau juga dianugerahkan sebagai Ikon Guru Peringkat Kebangsaan dan pernah mendapat Anugerah Perkhidmatan Cemerlang sebanyak enam kali. Seterusnya, anugerah-anugerah lain di peringkat antarabangsa yang telah perolehi beliau adalah sebanyak empat puluh anugerah. Anugerah tersebut adalah hasil penyertaan program inovasi dan reka bentuk di dalam negara dan luar negara seperti Thailand, Taiwan, Vietnam, Korea Selatan, Crotia, dan Romania.

Manakala di peringkat kebangsaan pula beliau telah mendapat sebanyak tujuh anugerah dan di peringkat negeri sebanyak lima anugerah. Anugerah-anugerah tersebut merangkumi semua aspek sama ada secara individual dan malalui kumpulan pelajar inovasi beliau. Pencapaian anugerah Hajah Saripah Embong amat membanggakan sekaligus menaikkan imej beliau sebagai guru inovasi berkaliber, imej sekolah dan negara di peringkat antarabangsa.



Gambar 1: Hajah Saripah Embong di hari Anugerah Princess Maha Chakri, Bangkok, Thailand.



Gambar 2: Hari Anugerah Princess Maha Chakri, Bangkok, Thailand.



Gambar 3: Penerimaan Anugerah Princess Maha Chakri, Bangkok, Thailand.

8.4 *Sumbangan Tokoh*

Seterusnya sepanjang perkhidmatan, beliau telah banyak menyumbang kepada kecemerlangan pendidikan untuk murid, rakan sejawat, sekolah, negeri dan negara, dan ada dari segi pencapaian murid dalam akademik dan kurikulum, juga pencapaian penyelidikan, rekacipta dan inovasi. Dalam bidang akademik, beliau pernah membina modul Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) dan pembentangan Kajian Tindakan Inovasi tentang Penggunaan Kaedah Fleksi untuk Meningkatkan Kemahiran Murid Tingkatan 3ik (Pilihan ERT) dalam membina lakaran idea penyelesaian masalah. Sumbangan tersebut telah diterbitkan dalam buku ‘Konvensyen Kajian Tindakan Sekolah Berprestij Tinggi’ di Institut Aminuddin Baki. Seterusnya beliau berjaya membimbing murid mengekalkan prestasi subjek KHB mencapai 100% A- pada tahun 2002 dan 100% A pada tahun 2011-2016. Beliau juga

menyumbang pembangunan bengkel-bengkel KHB di sekolah dan merupakan salah seorang panel penggubal Modul Buku Teks Program Maya, Program Ulul Albab.

Seterusnya sumbangan dalam aktiviti kemasyarakatan pula, beliau adalah seorang penyelidik ahli seumur hidup Exco MyRIS (Malaysian Research and Innovation Society) dan dilantik sebagai Chapter MyRIS Terengganu. MyRIS berfungsi menguruskan pasukan-pasukan rekacipta dan inovasi sekolah-sekolah dan Institusi Pendidikan tinggi yang ingin menyertai pertandingan dalam dan luar negara. Beliau juga dilantik sebagai Pakar Rujuk Inovasi Peringkat Kebangsaan oleh Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Di samping itu, beliau juga banyak memberi ceramah tentang subjek tertentu serta merupakan setiausaha dan penceramah inovasi ICTEX Terengganu peringkat kebangsaan. Sumbangan terkini beliau adalah sebagai penceramah dan moderator GCC Siri 1 & 2 (Global Collaborative Classroom) dan Pengurus Teknik Rekacipta, Inovasi STEM Sekolah-Sekolah Menengah Terengganu.

Seterusnya, beliau berharap dapat menjayakan sekali lagi Program Inovasi ICTEX kerana mendapat permintaan dan sambutan yang positif daripada peserta dan orang luar. Akhir sekali, harapan beliau untuk guru-guru lain adalah untuk terus rajin mencari ilmu dan terus melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran serta jangan cepat berpuas hati.

9. KESIMPULAN

Kesimpulannya, kejayaan yang telah dicapai oleh tokoh pendidik Hajah Saripah Binti Embong daripada hasil usaha kerjaya beliau begitu memberi inspirasi kepada semua. Di samping itu, kejayaan beliau turut memberi impak kepada pelajar, imej sekolah dan negara di peringkat antarabangsa. Peranan, usaha, sumbangan dan kejayaan beliau dapat dijadikan contoh dan semangat kepada guru-guru dan generasi akan datang. Oleh yang demikian, dengan adanya kajian sejarah lisan, ianya merupakan salah satu cara memperolehi data tentang peristiwa ataupun pengalaman tentang kehidupan tokoh. Diharapkan kajian sejarah lisan ini mampu menyumbangkan maklumat dan fakta yang boleh dipercayai dan berguna untuk dijadikan manfaat dan rujukan pada masa akan datang.

Rujukan

Awang Hadi Salleh. (1998). Latihan Perguruan untuk Sekolah Berkesan, Prosiding Seminar Kebangsaan JPPG, Pendidikan Guru untuk Sekolah Berkesan, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Azura Mohd Nor. (2004). Faktor-faktor yang mempengaruhi kepuasan kerja guru dalam bidang kerja teknik dan vokasional berdasarkan teori Maslow di sekolah akademik di Daerah Pasir Puteh, Kelantan. Tesis Sarjana Muda. Universiti teknologi Malaysia.

Centre for the New Economy and Society. (2018). The future of jobs report. Switzerland. Retrieved from http://www3.weforum.org/docs/WEF_Future_of_Jobs_2018.pdf

Ikhsan, O., & Norila, M.S. 2005. Kurikulum & Pengajaran sekolah rendah, aspek-aspek yang berkaitan. Tanjong Malim: Quantum Books.

Kamus Dewan Edisi Empat. (2007). Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). Laporan Tahunan 2017 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Putrajaya. Retrieved from <https://www.moe.gov.my/menumedia/mediacetak/penerbitan/terbitan/laporan-tahunan-2017-pelan-pembangunan-pendidikan-malaysia2013-2025/1625-padu-laporan-tahunan-bm-2017/file>

Mohd Zolkepeli, A. R. (1998). Faktor-Faktor yang mempengaruhi pemilihan guru cemerlang. Doctoral dissertation. Universiti Utara Malaysia).

Purba, J., Yulianto, A., Widayanti, E., Esa, D. F. P. U. I., & Esa, M. F. P. U. I. (2007). Pengaruh dukungan sosial terhadap burnout pada guru. Jurnal Psikologi, 5(1), 77-7.

Zakaria Bin Omar (2014). Pendekatan konstruktif dalam inovasi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di Kolej Vokasional. Tesis Sarjana Muda. Universiti Tun Hussien Onn Malaysia